

## BERITA HARIAN – JUMAAT 01 SEPTEMBER 2017



Aireen Omar,  
Ketua Pegawai Eksekutif AirAsia Berhad

Menerusi pendedahan wanita berkerja yang datang daripada pelbagai latar belakang seterusnya mewujudkan platform untuk remaja wanita mendengar dan berkongsi kisah dengan mereka”



Rohani Abdul Karim,  
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Kementerian akan terus menyokong inisiatif seperti ini yang akan memberi manfaat kepada kemajuan wanita, pembangunan ekonomi dan seterusnya menyumbang kepada negara”



Aireen (barisan belakang, lima dari kiri) dan Rohani (barisan belakang, empat dari kiri) bersama pelajar yang menyertai kampen #GirlsCanDoAnything, baru-baru ini.

[FOTO IHSAN PEMBACA]

## Pupuk kepemimpinan remaja wanita

84 gadis kurang bernasib baik ikuti program anjuran AirAsia, KPWKM

Oleh Nor Hatina Shuib  
hatina@b.com.my

Kuala Lumpur

Syarikat penerbangan tadbir rendah terbaik dunia, AirAsia, komited memperkasakan gadis remaja melalui kampen #GirlsCanDoAnything dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).

Seramai 84 remaja perempuan kurang bernasib dijemput ke AirAsia RedQ untuk sesi perkongsian dan motivasi bersama juruterbang, jurutera dan kakit-

ngan kanan wanita AirAsia.

Semua pelajar yang dijemput oleh agensi di bawah kementerian itu adalah mereka yang berasal daripada latar belakang berbeza.

Yang turut hadir, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim; Ketua Pegawai Eksekutif AirAsia Berhad, Aireen Omar; dan Pengarah Perhubungan Kerajaan AirAsia Berhad, Zamani Mohd Rafique.

### Perkasa gadis remaja

Aireen berkata, menerusi kampen itu, mereka berusaha mencapai matlamat untuk memperkasakan gadis remaja untuk menggapai impian dan memberi inspirasi kepada mereka untuk tidak membataskan kemampuan diri dan berani memiliki kerjaya yang dikehendaki dalam apa juga bidang diminati.

“Kami mempunyai juruterbang dan jurutera pesawat wanita yang berjaya di dalam industri yang didominasi oleh lelaki.

### Info

#### #GirlsCanDoAnything

• Kempen berlaku pada tahun lalu

• Objektif memperkasakan wanita yang dijanjikan oleh AirAsia

• Sebagai memberi inspirasi kepada belia wanita dalam merealisasikan impian mereka.

• Kempen ini menampilkan kakitangan wanita AirAsia yang dikenali sebagai Allstars daripada pelbagai jabatan dan jawatan sebagai contoh.

“Kami juga sudah mengadakan sesi seperti ini bersama lebih daripada 400 pelajar perempuan sebelum ini. Kali ini kami amat berbesar hati kerana dapat bekerjasama dengan kementerian untuk menganjurkan sesi istimewa ini bersama menteri.

“Menerusi pendedahan wanita berkerja yang datang daripada pelbagai latar belakang seterusnya mewujudkan platform untuk remaja wanita mendengar dan berkongsi kisah dengan mereka,” katanya.

Pada masa sama, pihaknya berharap dapat memperkasakan generasi muda dan membuatkan kesemuanya mereka boleh melakukan apa saja perkara dengan berjaya.

Peranan penting wanita  
Sementara itu, Rohani berkata kementerian amat berbesar hati apabila mengetahui bahawa AirAsia juga komited untuk memperkasakan wanita melalui kampen #GirlsCanDoAnything.

“Besarlah harapan saya pelajar akan mengambil peluang ini untuk bertemu dengan ramai wanita yang berkerja dan menjadikan lawatan ini sebagai sebahagian daripada pembelajaran mereka.

“Kempen seperti ini juga penting untuk memupuk kepemimpinan dalam kalangan generasi muda hari ini, supaya mereka lebih bersedia dalam apa juga bidang yang diceburi pada masa akan datang,” katanya.

Beliau berkata, hari ini, golongan wanita memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi dan negara.

Sebagai wanita kita harus berani untuk melangkah ke hadapan dan jika anda fikir boleh melakukannya, teruskan usaha dan jangan berputus asa.

“Kementerian akan terus menyokong inisiatif seperti ini yang akan memberi manfaat kepada kemajuan wanita, pembangunan ekonomi dan seterusnya menyumbang pada negara,” katanya.